

31/03/2000

Ulama tahu dakyah Pas tidak benar

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sudah sampai masanya ulama dan golongan yang mempunyai pengetahuan tinggi mengenai Islam, menentang tindakan Pas menyelewengkan agama.

Perdana Menteri berkata, golongan itu tahu bahawa dakyah Pas tidak benar, seperti tidak masuk syurga jika tidak mengundi parti itu dan tuhan mencarut, tetapi bimbang untuk menegurnya.

"Orang Islam yang tidak berpengetahuan tinggi mengenai Islam tahu ia tidak betul. Mereka yang berpengetahuan tinggi juga tahu.

"Malangnya, mereka tidak pernah bangkit dan suarakan apa-apa kerana tidak suka terbabit dalam kontroversi atau tidak mahu dikecam oleh Pas sebagai sokong Umno dan anjing kerajaan," katanya ketika menggulung perbahasan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata ahli Umno yang tidak memiliki pengetahuan tinggi, perlu bangun menentang penyelewengan itu dan tidak berdiam diri.

Menurutnya, jika ahli Umno terus berdiam diri, penyokong dan pemimpin Pas yakin penyelewengan yang disebarkan itu berjaya.

"Yang tidak ada sijil agama juga belajar agama dan berhak menegur. Saya yang tidak ada sijil empat thanawi dan bukan lulusan Al-Azhar (Universiti Al-Azhar, Mesir) juga berhak tegur.

"Jika kita tidak tegur mereka akan terus mencucuk hidung dan mengheret kita dan jika kita diam kerana takut, kita juga berdosa," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri meminta ahli Umno tidak mudah melatah sehingga terperangkap dengan pihak lawan yang membuat pelbagai tuduhan dan kecaman terhadap parti.

(END)